

KUALA LANGAT, SEPANG

HUBUNJI OKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6609020 / 019-660275

Pengadang besi rosak bahayakan pengguna

JENJAROM- Aduan penduduk mengenai kerosakan pengadang besi Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di Jenjarum sebenarnya bukanlah isu besar.

Ahli Majlis Zon 9, MDKL, Ang Eu Liang berkata, aduan penduduk itu sudahpun dipanjangkan kepada MDKL sejarus kerosakan dapat dikesan.

Menurutnya, selepas siasatan dibuat pengadang besi berkenaan bukanlah dibawah seliaan MDKL.

"Cumannya, bila ia dikaitkan dengan MDKL seperti kami tak jalankan tugas dan saya sendiri tak tahu kenapa ada pemimpin hendak perbesar isu ini,"katanya.

Sementara itu, Ketua Wanita MCA Bahagian Kuala Langat, Ng Siok Hwa berkata, beliau menerima aduan beberapa wakil penduduk mengenai keadaan kerosakan itu.

Menurutnya, menjadi tanggungjawabnya untuk memajukan aduan kepada pihak terlibat bagi



Siok Hwa bersama beberapa wakil penduduk melihat keadaan penghadang jalan yang rosak dan tidak selamat.

mengelak kemalangan berlaku.

"Saya difahamkan pengadang besi MDKL itu rosak akibat dilanggar kereta dan kereta itu terhumban masuk ke dalam longkang yang dalamnya mencecah 15 kaki.

"Akibatnya kawasan tersebut menjadi kawasan risiko tinggi kerana laluan itu digunakan pelbagai pihak termasuk pelajar sekolah,"katanya.

Siok Hwa berkata, aduan itu dibuat supaya MDKL dapat mengambil tindakan segera supaya tiada kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Katanya, selain mengharapannya dapat diperbaiki segera, beliau menggesa pihak bertanggungjawab meneliti semula keadaan besi berhampiran yang dikenali sudah longgar dan rosak mengancam keselamatan penduduk.



Zaidy ketika menjawab soalan pemberita selepas membuat lawatan.

Siasat aduan air paip keruh

SEPANG - Kerajaan negeri akan menyasat rungutan pengguna berkenaan bekalan air keruh.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, aduan pengguna di sekitar Puchong dan Shah Alam itu mengambil masa untuk dipulih.

Menurutnya, mungkin dalam masa yang singkat keadaan air keruh akan kembali normal memandangkan lima paip besar yang mempunyai masalah ke injap udara itu memerlukan masa untuk proses pemulihan.

"Bagaimanapun, tiga kawasan di Daerah Petaling termasuk di Taman Bukit Kuchai, Bandar Puchong Jaya dan Subang

Jaya SS12 hingga SS19 masih dalam proses pemulihan.

"Pihak yang bertanggungjawab sedang berusaha meningkatkan tekanan dan aliran di kolam perkhidmatan serta agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan sepenuhnya,"katanya kepada pemberita, semalam.

Dalam pada itu, Zaidy memaklumkan lima kawasan termasuk Klang, Shah Alam, Gombak, Hulu Selangor dan Kuala Langat difahamkan sudah 100 peratus pulih daripada gangguan bekalan air yang melanda kawasan Lembah Klang, minggu lalu.

Beliau berkata demikian ekoran insiden paip sistem mampatan udara (Surge Vessel System) yang pecah ketika kerja-kerja selenggara dijalankan.

Jimat masa pengguna!

Jalan Kota Warisan ke Salak Tinggi siap tahun 2020

NURUL FIRDAUS KHAIRI

KOTA WARISAN

Pengguna jalan raya dari arah Kota Warisan ke Salak Tinggi bakal menikmati laluan alternatif sejauh lima kilometer seawal lewatnya November 2020.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor meluluskan jalan sambungan B20 yang menghubungkan kawasan Kota Warisan de-

ngan Salak Tinggi sebagai usaha mengurangkan kesesakan lalulintas.

Menurutnya, peruntukan sebanyak RM 51 juta bakal digunakan untuk membina laluan yang dipisahkan oleh landasan Express Rail Link (ERL) secara berperingkat.

"Tujuan utama pembinaan jambatan adalah untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di jalan persekutuan dan sebagai jalan alternatif kepada pengguna yang ingin ke Salak Tinggi.

"Kontraktor yang dilantik untuk membina jambatan ini dipilih berdasarkan tender terbuka dan melepasi penilaian teknikal iaitu Norwest Holding Sdn Bhd dengan tawaran sebanyak RM 51 juta,"katanya kepada pemberita, semalam.

Kos keseluruhan projek ini dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri yang bermula sejak 8 November 2017



Rozita (tiga, kanan) memberi penerangan kepada Zaidy dan tetamu yang hadir.

dan memajukan kemudahan itu siap sepenuhnya dalam masa tiga tahun.

"Saya difahamkan laluan yang bakal dibina ini mampu memendekkan masa perjalanan pengguna dari 20 minit ke 10 minit.

"Saya harap kemudahan yang dinanti-nantikan oleh pengguna terutama penduduk di Sepang ini nanti memberi impak yang besar dalam usaha mengelakkan keadaan kesesakan lalulintas,"katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi JKR Negeri Selangor, Ir Rozita Mat Senapi berkata, skop kerja utama itu nanti bakal meliputi kerja-kerja struktur seperti cerucuk, tiang jambatan yang merentasi ERL, menaiktaraf jalan sedia

info
• RM 51 juta bakal digunakan untuk membina laluan yang dipisahkan oleh landasan ERL

ada, kerja-kerja memecahkan batu dan sistem perparitan.

Apabila siapnya jalan alternatif itu nanti, pengguna akan mempunyai pilihan untuk ke Salak Tinggi, KLIA mahupun Putrajaya.

"Jajaran baharu ini dapat memudahkan jaringan perhubungan penduduk setempat di samping menaikkan lagi industri dan komersial di kawasan sekitar Kota Warisan,"katanya.

Hadir sama, Jurutera Awam Penguasa Jalan JKR Selangor, Ir Anita Mohd Shafie, Pegawai Daerah dan Tanah Sepang dan Mohd Yazid Sairi.